

Terengganu unggul pungutan pingat

TERENGGANU terus mengukuhkan cengka- man selaku pendahulu keseluruhan temasya Su- kan Malaysia (2014) semalam.

Selepas empat hari temasya edisi ke-17 itu dibuka secara rasmi, kontinjen Terengganu se- makin menjarakkan kedudukan dengan barisan pencabar mereka daripada segi pungutan pi- ngat.

Acara kanu terus menjadi 'lubuk emas' buat Terengganu yang berjaya menambah lima lagi pingat emas di Kompleks Air Timah Tasoh, Padang Besar semalam.

Pencapaian itu menyaksikan skuad kanu Te- rengganu dinobatkan selaku juara keseluruhan dalam acara tersebut apabila merekodkan 14 pingat emas dan lima perak, sekali gus me- memecahkan rekod terdahulu - 11 emas yang diraih pada Sukma 2011 di Kuala Lumpur.

Paling membanggakan apabila skuad kanu Terengganu memperbaharui dua rekod kebang- saan sepanjang tiga hari acara itu berlangsung.

Tanpa mengambil kira acara akhir silat yang menawarkan lapan pingat emas malam tadi, kontinjen Terengganu telah mengumpul 16 emas, 10 perak dan tujuh gangsa.

Kontinjen Pulau Pinang mengekori rapat Te- rengganu apabila merekodkan 10 pingat emas, tiga perak dan lima gangsa manakala Wilayah Persekutuan berada di tangga ketiga dengan kutipan tujuh emas, 11 perak dan sembilan gang- sa.

Pahang mula mengorak langkah apabila ber- ada di tangga keempat selepas berjaya mengutip tiga pingat emas di gelanggang angkat berat dan satu lagi emas hadir dalam acara kanu.

Tumpuan juga sudah pasti terarah kepada kontinjen jempunan, Brunei yang berjaya me- ngakhiri penantian selama 18 tahun untuk me- raih pingat emas di pentas Sukma.

Muhammad Izzuddin Irfan Muhammad Fazail boleh dianggap hero Brunei apabila meraih pi- ngat emas di gelanggang karate bagi acara kumite individu lelaki lebih 84 kilogram.

Selangor pula muncul kontinjen pertama me- raih pingat emas dalam acara boling yang mem- buka tirainya di Pusat Boling Kayangan Square Mall di Kangar semalam.

Atlet kebangsaan, Natasha Roslan, 18, berjaya mempertahankan pingat emas yang dimenangi pada Sukma 2012 di Pahang bagi acara individu wanita selepas mencatatkan 1, 339 jatuhan pin.

Hari ini, 12 lagi pingat emas menjadi rebutan yang menyaksikan acara angkat berat mena- warkan empat emas, berbasikal (dua), petanque (dua) sepak takraw (dua) dan boling (dua).